



**Kenali
Negara
Kitani**

KNK

Negara Brunei Darussalam

**KOMPILASI
RENCANA
KNK 2016**



Terbitan:
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2018

Penyelaras:
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Taip Set/Kompilasi/Susunan:
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir
Muhammad Fawzan bin Abu Kasim
Muhammad Nazih bin Haji Zaini

Reka Letak/Kulit luar:
Syahi bin Haji Ludin

Penyemak:
Ramlah binti Md.Nor
Norhafilah binti Rosli
Nurafizah@Nurul Shadah Samat

*J
a
n
u
a
r
i*

SABTU, 2 JANUARI 2016

STKRJ RIMBA AMAN DAMAI

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

SUASANA STKRJ Kampung Rimba.



KENALI Negara Kitani kali ini memaparkan mengenai Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Rimba yang terletak di Mukim Gadong, perjalanan kira-kira 11.2 kilometer dari Bandar Seri Begawan. Kampung berkenaan adalah di bawah pengawasan seorang ketua kampung, iaitu Awang Haji Abdul Wahab bin Timbang yang memulakan jawatannya sebagai ketua kampung pada 1 Ogos 2007 adalah pesara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Dengan kluasan 69.15 hektar (152.13 ekar), kawasan ini mempunyai keramaian penduduk 6,800 orang. Rumah di bawah skim yang dicatatkan ialah sebanyak 560 buah terdiri dari 61 buah rumah Kelas B, 154 buah Kelas C, 97 buah Kelas D, 50 buah Kelas E, Perumahan Ekspo 99 sebanyak 87 buah manakala Rumah Berkembar 111 buah.

Ketua kampung juga menceritakan penerima bantuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu 276 orang penerima pencen tua dan 136 orang menerima bantuan Jabatan Perkhidmatan Masyarakat (JAPEM), orang cacat dan kurang upaya



*KETUA Kampung, Awang Haji
Wahab bin Timbang.*



CHIANG Meng Fatt

seramai 18 orang, pencegah orang gila 7 orang dan tiga orang pencegah orang buta. Kampung ini tidak ketinggalan diberikan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, jalan raya, bekalan air dan pondok telefon. Kemudahan-kemudahan awam yang didirikan ialah Institut Perkhidmatan Awam, Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kem Tentera ABDB dan Kem Polis Tentera (simpanan) dan Pusat Urusniaga Holtikultur. Dalam bidang keagamaan, ketua kampung menjelaskan, para penduduk kampung beragama Islam tidak ketinggalan dari mengikuti acara-acara bercorak keagamaan seperti perarakan Maulidur Rasul, Majlis Korban sempena Hari Raya Aidiladha dan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung yang diadakan dalam bulan Ramadan dan sebagainya.

Beliau juga menyarankan harapan agar para penduduk kampung memberikan kerjasama yang padu terhadap apa jua perancangan melalui Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang ditubuhkan pada 1 Ogos 2007 dengan mempunyai ahli-ahli yang berperanan dalam bidang yang dilantik dalam memberikan sokongan dan dorongan semata-



SEBAHAGIAN Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) STKRJ Kampung Rimba.

mata untuk memajukan dan memberikan kesejahteraan kampung berkenaan. Dengan adanya semangat bersatu padu dan saling bekerjasama sepertimana yang diharapkan itu maka kawasan STKRJ diharap tidak akan jauh ketinggalan dari kampung-kampung lain dalam apa juu aktiviti yang dirancang.

Ketika ditemui, Chiang Meng Fatt, salah seorang penduduk skim berkenaan yang sudah lama tinggal di sini, iaitu sejak tahun 1997 dan telah dilantik menjadi salah seorang ahli MPK, iaitu Biro Ekonomi memang sudah biasa bergaul dengan orang-orang kitani, iaitu Melayu Brunei. “Saya bersyukur kerana di sini kehidupan aman damai dan saya tiada masalah bergaul dengan penduduk di sini kerana kepimpinan dari ketua kampung yang sentiasa berbincang dengan ahli-ahli MPK.”

SABTU, 2 JANUARI 2016

MENDEKATI RPN RIMBA KAWASAN I

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Jabatan Penerangan

TERLETAK di Mukim Gadong A, ruangan ini akan menyingkap mengenai latar belakang dan kehidupan penduduk kampung bagi Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba Kawasan I. Kampung ini adalah di bawah pentadbiran seorang ketua kampung, Awang Adanan bin Taha.

Menurut Awang Adanan, kampung ini mula didiami kira-kira 21 tahun yang lalu iaitu pada Julai 1994. Dari sumber yang beliau perolehi, kawasan kampung ini pada mulanya adalah kawasan tempat berpadi dan menanam buah-buahan seperti nenas bagi penduduk Kampung Tungku. Beliau difahamkan ketika itu penduduk Kampung Tungku berjalan kaki sejauh lima ke enam kilometer untuk menuju ke kawasan tersebut. Ujarnya lagi, Jalan 3 Kawasan I RPN Rimba merupakan tapak yang mula-mula sekali dibentuk dari seluruh kawasan RPN Rimba pada masa ini.

Memandangkan kampung ini merupakan perumahan bagi orang awam, selain bangsa Melayu, kampung ini turut dihuni sebilangan masyarakat Cina. Sebanyak 251 buah rumah yang terdapat di kawasan ini yang mana 45 buah rumah daripadanya dihuni masyarakat cina manakala selebihnya adalah Melayu. Secara keseluruhan kawasan ini dihuni oleh 2,600 penduduk yang kebanyakannya bekerja dengan pihak kerajaan, di samping swasta. Di kampung ini, sejumlah 190 orang penerima pencen tua, 98 orang menerima bantuan kebajikan, enam orang fakir miskin, 34 orang anak yatim dan enam orang mualaf.



*Ketua Kampung Rancangan
Perumahan Negara Kampung
Rimba Kawasan I, Awang
Adanan bin Taha.*



PENGAGIHAN daging ibadah korban kepada orang-orang yang berhak menerimanya.

AKTIVITI

Setibanya bulan puasa, kampung ini sangat aktif menganjurkan acara-acara keagamaan iaitu bersedekah dengan mengagih-agihkan makanan yang setentunya bagi meraih ganjaran yang berlipat ganda pada bulan yang penuh keberkatan itu. Buat pertama kalinya, pada 10 Julai 2013, Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN Rimba Kawasan I mengagihkan lebih 500 bungkus Bubur Lambuk di Gerai Ramadan, RPN Rimba.

Atas kesepakatan para ahli MPK aktiviti seumpama itu kemudiannya dijadikan sebagai aktiviti tahunan MPK tersebut di mana pada 29 Jun 2014 sebanyak 500 plastik Bubur Lambuk di tempat yang sama. Kemudian pada 18 Jun 2015, MPK Rimba Kawasan I telah mengagihkan lebih 300 bungkus mi goreng di Gerai Ramadan, RPN Kampung Rimba.

Kesemua makanan-makanan tersebut disedekahkan kepada para pengunjung dan orang ramai yang melalui jalan di kawasan gerai berkenaan. Gerai Ramadan itu mengalami penambahan petak saban tahun yang disertai oleh kebanyakan para peniaga yang berjaya dari kawasan kampung tersebut. Dengan itu, para penduduk kampung dapat menambah pendapatan terutama golongan muda yang berkecimpung dan membantu keluarga. Dengannya, mereka dapat menyemai sifat berdikari dan mandiri, di samping mengisi masa terluang dengan perkara yang berfaedah.



AKTIVITI pengagihan makanan Bubur Lambuk yang pernah dikendalikan oleh MPK RPN Rimba Kawasan I.

Kampung ini juga amat memeduli golongan yang memerlukan dengan mengadakan Majlis Ibadah Korban yang mana daging-daging ibadah korban diagihkan kepada golongan fakir miskin, anak-anak yatim dan orang-orang yang berhak menerimanya. Ibadah korban yang mula dianjurkan pada tahun 2008 itu merupakan hasil kerjasama daripada penduduk kampung.

Oleh itu, pada setiap tahun pihak MPK membuka penyertaan bagi mereka yang ingin menyertai ibadah tersebut. Aktiviti tahunan itu diadakan bagi mengeratkan tali silaturahim sesama MPK dan penduduk kampung, di samping untuk mendapatkan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain aktiviti keagamaan, penduduk kampung di sini juga aktif di dalam turut serta dan bekerjasama dengan pertubuhan NGO, iaitu Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA). BASMIDA adalah sebuah pertubuhan antidadah di Negara Brunei Darussalam, yang ditubuhkan pada bulan Mac 1987. Penyertaan penduduk kampung terutama para belia bersama BASMIDA menunjukkan kepekaan mereka dalam melakukan aktiviti-aktiviti antidadah di seluruh negara secara sukarela. Semoga kemakmuran dan kehidupan yang penuh harmoni sentiasa berpanjangan di kampung ini.

ISNIN, 11 JANUARI 2016

TITIK BERATKAN HIDUP BERSATU PADU

Oleh: Norliah Md. Zain
Foto: Hernie Suliana Haji Othman



TERLETAK di Mukim Tamoi, Kampung Pengiran Kerma Indera Lama dan Kampung Pengiran Tajuddin Hitam mengisi ruangan Kenali Negara Kitani kali ini. Kedua-dua kampung ini ditadbir oleh seorang ketua kampung, iaitu Awang Haji Momin bin Haji Bini. Beliau mula dilantik pada 19 Jun 2006. Keluasan Kampung Pengiran Kerma Indera Lama adalah 0.0406 kilometer persegi, sementara Kampung Pengiran Tajuddin Hitam berkeluasan 0.0532 kilometer persegi. Sebanyak 52 buah rumah persendirian yang terdapat di Kampung Pengiran Kerma Indera Lama dan Kampung Pengiran Tajuddin Hitam. Selain kemudahan asas, kampung ini juga menikmati beberapa kemudahan yang lain antaranya tiga buah jeti baharu, dua buah sekolah, sebuah masjid, 13 tiang lampu dan jalan pelaluan orang ramai di kedua-dua buah kampung.

Dalam menjana ekonomi sara diri, beberapa orang penduduk di kampung ini sangat aktif dalam berniaga makanan seperti kuih-muih, masakan, dan juga menangkap ikan secara kecil-kecilan. Penduduk di kampung ini juga amat menitikberatkan hidup bersatu padu yang penuh harmoni dengan mengadakan acara majlis makan sekampung, menyertai acara-acara mukim serta turut serta dalam Majlis Ibadah Korban Jabatan Daerah Brunei Muara.



Penduduk kampung juga sangat aktif dalam bidang sukan seperti ikut serta dalam perlumbaan lumba perahu wakil penghulu serta ketua kampung Daerah Brunei dan Muara pada awal tahun 2012. Pada tahun 2012, kampung ini buat pertama kali menganjurkan sembilan pemain pasukan bola sepak dan berjaya mendapat hasil kewangan tersimpan sebanyak BND500.

Mudah-mudahan kampung ini sentiasa aktif dalam menyeru seruan kerajaan dalam mengamalkan gaya hidup sihat melalui sukan, dikurniakan keamanan, kedamaian serta kegigihan dalam kalangan penduduknya.



SABTU , 13 FEBUARI 2016

TAMAN PERANGINAN NAK PULAU KAMPUNG BUKIT UDAL

Oleh: Noriah Haji Abdul Hamid dan Norhanizah Mohd. Said

Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

KAMPUNG Bukit Udal adalah salah sebuah kampung di dalam tadahan Mukim Tanjung Maya, Daerah Tutong yang ditadbir oleh Awang Johno bin Perak sebagai ketua kampung. Keramaian penduduk di kampung ini kira-kira 1,132 orang yang terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, Iban dan lain-lain lagi. Jumlah mereka yang menganut agama Islam seramai 245 orang dan selebihnya menganut agama-agama lain. Kampung Bukit Udal mempunyai keluasan kira-kira 13 kilometer persegi. Kebanyakan penduduknya bekerja di sektor kerajaan dan swasta, di samping menjalankan perusahaan sendiri. Kampung ini seperti mana kampung-kampung lain juga tidak ketinggalan dari mempunyai infrastruktur dan prasarana yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti kemudahan jalan raya, bekalan api elektrik, bekalan air bersih, masjid, sekolah, balai raya dan lain-lain lagi.

Sekretari Pelancongan dan Kebudayaan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bukit Udal, Awang Benson bin Tunggang telah menceritakan asal usul Kampung Bukit Udal. Menurut beliau, beribu tahun lalu, kawasan kampung tersebut mengalami satu tragedi yang dipanggil ‘Labor’. ‘Labor’ membawa maksud hujan lebat yang turun berbulan-bulan lamanya dan istilah yang dipakai pada masa kini membawa maksud kejadian Tsunami. Kejadian ini telah memberikan impak yang buruk bukan sahaja kepada penduduk kampung malahan telah membinasakan tanam-tanaman dan juga binatang banyak yang mati. Penduduk kampung terpaksa berpindah ke atas bukit dengan membawa bersama binatang ternakan mereka yang masih hidup.

Mereka terpaksa tinggal di atas bukit berbulan-bulan lamanya hingga bukit tersebut menjadi ‘badal’ atau gundol. Maka kampung tersebut pun dipanggil Kampung Bukit Badal sehinggalah apabila adanya cadangan untuk menamakan Sekolah Rendah yang dibina di kampung berkenaan, ayah kepada Awang Benson telah memberikan beberapa cadangan nama termasuklah Bukit Udal yang akhirnya telah dipilih sebagai nama kampung tersebut sehingga kini.



TAMAN PERANGINAN NAK PULAU

Dalam menyahut seruan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Projek Satu Kampung Satu Produk yang antara lain bertujuan untuk menjadikan masyarakat mukim dan kampung lebih kreatif, inovatif, berdikari, berdisiplin dan berdaya tahan di samping dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan maka MPK Bukit Udal telah mengusahakan beberapa produk kampung seperti eko pelancongan dan perusahaan kraf tangan.

Penulis telah berpeluang menyelusuri Banjaran Bukit Kukup untuk sampai ke Taman Peranginan Nak Pulau. Taman peranginan yang begitu artistik ini diusahakan oleh Awang Benson sendiri. Walaupun kawasannya tidak terlalu luas, tetapi sangat indah dan menarik. Kawasannya diliputi oleh pelbagai tumbuh-tumbuhan yang menghijau, pokok renek dan belukar serta tidak ketinggalan kebun buah-buahan.

Terdapat sebuah rumah tradisi yang dibina di tengah tasik kecil. Dindingnya diperbuat daripada kulit kayu sementara atapnya daripada zink dan daun nipah. Menurut Awang Benson, rumah tradisi tersebut adalah hampir sama dengan rumah orang tua beliau dahulu. Menurut beliau lagi, tasik kecil ini dahulunya adalah sungai kecil sahaja. Atas usaha penduduk kampung untuk memperindahkhan lagi kawasan peranginan berkenaan mereka telah menjadikannya sebuah pulau kecil. Sebuah jambatan yang diperbuat dari batang pokok kayu dan papan kecil telah dibina untuk memudahkan para pengunjung menyeberangi tasik kecil menuju ke rumah peranginan.




Taman Nak Pulau terletak kira-kira 62 km dari Bandar Seri Begawan dan mengambil masa lebih kurang satu jam perjalanan. Taman tersebut telah diterokai kira-kira 16 tahun yang lalu dan berkonsepkan kehijauan flora dan fauna sejajar dengan misi MPK untuk mengekalkannya sebagai taman hutan semula jadi. Taman peranginan ini amat bersesuaian sebagai tempat untuk beriadah bersama keluarga. Para pengunjung dapat menghirup udara kehijauan yang segar dan alami. Orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung dan melakukan sebarang kegiatan kerja atau aktiviti-aktiviti kekeluargaan.

Taman peranginan ini menyediakan prasarana seperti bilik air, tandas, tempat tidur dan dapur untuk memasak dengan mengekalkan identiti tradisional. Menurut Awang Benson mereka juga menyediakan pakej penginapan termasuk penyediaan jamuan makan. Usaha yang gigih ini menyumbang pada kemajuan Kampung Bukit Udal dalam mempromosikan ekopelancongan bukan sahaja kepada penduduk tempatan malahan juga pelancong-pelancong luar negara.

Jelas terbukti melihat pada gambar-gambar yang menghiasi dinding rumah yang memperlihatkan para pelancong dari negara Barat seperti dari Australia, Jerman, Perancis dan banyak lagi yang datang untuk membuat kajian. Bagi orang ramai yang berhasrat untuk berkunjung ke Taman Peranginan Nak Pulau, Bukit Kukub bolehlah menghubungi Sekretari Pelancongan dan Kebudayaan, MPK Bukit Udal.

Nak Pulau Nature Camp




MRA

Rafi Kudus ■ Ranger Raf

Bright Winn ■ Hook Bright

*Bright Winn
Hook USA*





*M
a
c*

RABU, 9 MAC 2016

INAP DESA LUBUK BATU MAS KG. SIBUT PIKAT HATI PELANCONG ASING

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim

SIAPA sangka ... niat asal mengadakan konsep penginapan inap desa (*homestay*) hanyalah sebagai salah satu produk di bawah program Satu Kampung Satu Produk (1K1P), kini telah mendapat imbalan yang sangat di luar jangkaan. Terletak nun jauh di pedalaman di Daerah Temburong, Inap Desa Lubok Batu Mas di Kampung Sibut, Mukim Amo kini tidak menang tangan menerima kunjungan pelancong baik dari dalam maupun luar negara, apatah lagi semenjak inap desa di Rumah Panjang Kampung Sibut itu memenangi Anugerah Homestay ASEAN pada Januari yang baru lalu. Projek perekonomian ini bermula pada bulan Mei 2008 dengan tujuan untuk menambahkan lagi destinasi pelancongan di Daerah Temburong, meningkatkan sumber pendapatan penduduk terabit walaupun dalam bentuk yang sedikit selain menimba pengetahuan dalam bidang perkhidmatan.

Perusahaan ini merupakan salah satu perusahaan perekonomian di bawah pengawasan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sibut yang mula diperkenalkan pada bulan Mei 2008. Menurut Ketua Kampung Sibut, Jamat anak Malong, meskipun mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai tatacara pengendalian inap desa, namun para penghuni Rumah Panjang Kampung Sibut tidak mudah berputus asa untuk meneruskan hasrat mereka memandangkan perusahaan sedemikian mendatangkan banyak manfaat.

Mula dikenali sebagai Homestay Kampung Sibut namun pada tahun 2009 namanya ditukar pada ‘Homestay Lubuk Batu Mas, Kampung Sibut’ yang diambil sempena nama lubuk yang terletak di kampung berkenaan dan dikatakan mempunyai keramat pada satu ketika dahulu. Jamat anak Malong seterusnya menjelaskan bahawa pada awal penubuhannya, mereka telah mendapat bantuan daripada pihak kerajaan dalam bentuk peralatan bilik tidur seperti tilam dan katil, manakala pengubahsuaian bilik-bilik adalah atas budi bicara pemilik inap desa itu sendiri.



AKTIVITI penyediaan makanan tradisi puak Iban.



PARA pengunjung yang menginap di Homestay Lubuk Batu Mas, Kampung Sibut boleh mengikuti beberapa aktiviti seperti menyaksikan sambil menyertai persembahan kebudayaan puak Iban.

KERJASAMA EJEN PELANCONGAN

Bagi mendedahkan inap desa mereka kepada para pelancong, MPK Sibut telah menjalin kerjasama dengan ejen-ejen pelancongan yang membawa pelancong ke Taman Negara Ulu Belalong di mana menginap di Homestay Lubuk Batu Mas, Kampung Sibut juga terkandung di dalam pakej pelancongan yang ditawarkan oleh ejen-ejen berkenaan. Menurut Jamat anak Malong lagi, sambutan para pelancong adalah memberangsangkan di mana kunjungan semakin meningkatkan dari semasa ke semasa antaranya para pelancong dari Eropah, Kenya, Sepanyol, Itali, Hungary dan Afrika.

Pengendalian inap desa sememangnya mendatangkan banyak manfaat. Jelas Jamat anak Malong, perusahaan sedemikian dapat mendedahkan budaya puak Iban kepada negara luar baik dari segi makanan, pakaian dan sebagainya. Ini memandangkan para pengunjung yang menginap di Homestay Lubuk Batu Mas, Kampung Sibut boleh mengikuti beberapa aktiviti mengikuti pakej-pakej yang telah disediakan seperti menyaksikan persembahan kebudayaan puak Iban, aktiviti penyediaan makanan tradisi puak Iban, menyaksikan pameran kraf tangan serta aktiviti-aktiviti lain yang diperlukan.

PEMBAKAR SEMANGAT

Menyentuh mengenai penerimaan Anugerah Homestay ASEAN semasa berlangsungnya Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN Ke-19 di Manila, Filipina pada bulan Januari 2016, Jamat menjelaskan anugerah tersebut menjadi pembakar semangat mereka di mana segala penat lelah dan usaha mereka selama ini nampak sangat dihargai. Dengan penganugerahan tersebut, MPK Sibut juga berhasrat menambah dan mempelbagaikan lagi pakej penginapan di inap desa mereka agar dapat menarik lebih ramai pengunjung untuk menginap di Homestay Lubuk Batu Mas Kampung Sibut.

Dalam pada itu Ketua Kampung Sibut menyarankan agar majlis-majlis perundingan kampung yang lain baik di Daerah Temburong mahupun di daerah lain agar sama-sama terlibat dalam mengusahakan pengendalian inap desa yang mendatangkan banyak keuntungan dan manfaat. Dengan peningkatan pertumbuhan inap-inap desa di negara ini jelasnya, akan menarik lebih ramai pelancong dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Para pengusaha inap desa juga jelasnya lagi akan dapat bersaing secara sihat memandangkan setiap kampung mempunyai keistimewaan dan kelainan masing-masing untuk diperkenalkan kepada para pengunjung yang diharap dapat memberikan impak positif terhadap negara.

Memandangkan kesemua pengendali inap desa di Homestay Lubuk Batu Mas Kampung Sibut tidak mempunyai pengetahuan tentang pengendalian perusahaan sedemikian, oleh itu Jamat sangatlah berharap agar pihak-pihak berkenaan khususnya Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memberikan kursus-kursus yang bersesuaian agar mereka dapat menimba pengetahuan tentang tatacara menguruskan perusahaan inap desa dengan cara lebih terurus terutama dari segi pemasaran.



INAP Desa Lubuk Batu Mas, Kampung Sibut semasa menerima Anugerah Homestay ASEAN sempena berlangsungnya Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN Ke-19 di Manila, Filipina pada bulan Januari 2016.

SELARAS WAWASAN NEGARA 2035

Dengan adanya inap desa yang istimewa ini setentunya akan menarik lebih ramai lagi kemasukan pelancong-pelancong dari luar negara yang mana secara tidak langsung merangsang ekonomi negara. Aktiviti perekonomian sebagaimana yang dikendalikan oleh MPK Sibut ini sememangnya selaras dengan Wawasan Negara 2035 di mana kita berhasrat Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Ini memandangkan industri pelancongan sememangnya dikenal pasti sebagai salah satu penggerak yang berpotensi untuk mempercepatkan pembelbaagaian ekonomi di samping dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dalam kalangan anak-anak tempatan. Adalah diharapkan perusahaan Homestay Lubok Batu Mas Kampung Sibut akan terus berkembang maju yang sekali gus akan dapat meningkatkan potensi Sektor Pelancongan di negara ini.

*M
e
i*

SABTU, 7 MEI 2016

MPK SUNGAI BUNGA AKTIF TINGKATKAN PRODUKTIVITI KAMPUNG

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman

DENGAN keadaan pasaran yang terbuka luas untuk setiap kampung menghasilkan produk baharu dalam bidang perekonomian negara dan hari ini telah ada kampung-kampung yang berjaya mempergiatkan ekonomi setempat. Usaha dan kerjasama yang dilaksanakan itu menandakan penduduk-penduduk kampung telah dapat menjana prospek pekerjaan dan menambah perekonomian mereka.

Semua ini secara langsung melambangkan satu gerakan mobiliti ke arah melahirkan produktiviti masyarakat dalam pelbagai bidang yang akan dapat mewujudkan suasana perniagaan dan perubahan infrastruktur kampung dan mengembangkan hasil pendapatan Projek-projek perkhidmatan pelancongan umpamanya *homestay*, tarikan budaya, produk makanan, ramuan ubatan, pertanian, produk kraf tangan dan ternakan adalah antara yang diusahakan itu. Tapi tahukah awda bahawa Kampung Sungai Bunga atau Tanjung Kindana merupakan salah sebuah kampung yang berpotensi untuk menjadi salah sebuah destinasi tarikan pelancong sama ada dari dalam maupun luar negara. Perumahan di atas perairan yang teletak 11 kilometer dari ibu negara itu kini melangkah setapak ke hadapan dengan menyediakan perkhidmatan, iaitu Pusat Pelancongan Inap Desa Seri Tanjung selain hasil produk lautnya. Sebanyak enam buah rumah Inap Desa sedia untuk disewa dengan kadar yang berpatutan bagi kemudahan para pelancong menginap dan merasakan suasana kehidupan di persekitaran rumah di atas air bersama penduduk kampung sambil menyaksikan pertunjukan-pertunjukan kebudayaan, cara hidup dan produk-produk laut yang dihasilkan.


Pada 22 Januari lepas Pusat Pelancongan dan Inap Desa Seri Tanjung telah menerima pengiktirafan apabila dianugerahkan ASEAN Homestay Standard di Manila, Filipina selepas mencapai markah yang memberangsangkan selepas memenuhi kriteria sebagai homestay. Setiausaha Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga selaku Ketua Biro Ekonomi MPK Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Saleh berkata, dengan pengiktirafan tersebut secara langsung meningkatkan lagi semangat mereka untuk terus memperbaiki kualiti perkhidmatan yang sedia ada Katanya, peluang yang mereka wujudkan ini secara langsung memberikan peluang pekerjaan atau pendapatan lebih kepada penduduk kampung yang aktif dan dengannya dapat meningkatkan sosioekonomi mereka. Sehingga kini, keramaian ahli yang aktif dalam mengusahakan perkhidmatan pelancongan dan produk makanan tersebut ialah seramai 15 hingga 20 orang.



جَلِيلِيْنْ قَرَوْنَدِيْنْ يَعْرَكَأْقُوْعَشْ سُوْعَيْ بُوْغَا

MAJLIS PERUNDINGAN KG SG BUNGA

SERI TANJUNG HOMESTAY
INAP DESA SERI TANJUNG



Idea untuk mewujudkan perusahaan ini bermula dari Awang Zaini sendiri bersama Pemangku Pengerusi MPK Sungai Bunga, Ketua Kampung Sungai Matan, Pengiran Haji Abd. Rahman, selaku Pemangku Ketua Kampung Sungai Bunga di atas pengalaman yang mereka perolehi semasa menjadi anak angkat di luar negara seperti di Jepun dan Malaysia. Menurutnya, *homestay* adalah satu bidang usaha yang sangat efektif ketika ini dan istilah bagi *homestay* adalah pelancong yang tinggal bersama keluarga angkat. Pelancong yang ingin mendapatkan perkhidmatan di tempat mereka adalah tidak digalakkan untuk menginap seorang diri, tetapi adalah lebih baik dua ke tiga orang atau lebih bagi tujuan keselamatan.

Katanya, tinggal sebagai anak angkat ini sememangnya sangat mahal dari segi pengalaman kerana ia tidak ada di tempat-tempat penginapan lain seperti hotel, *rest house* dan sebagaimana. Jelasnya, jika tempat tinggal mereka itu seorang nelayan maka pelancong berkenaan akan berpeluang untuk menikmati pengalaman menangkap ikan sebagai seorang nelayan dan jika tinggal bersama peniaga, maka ia juga akan ikut berniaga selain berpeluang untuk mengikuti cara kehidupan sehari-hari di rumah berkenaan.

Beliau juga menjelaskan bahawa pelancong yang datang ke kampungnya tidak semestinya menginap sebagai anak angkat, tetapi mereka juga boleh datang untuk beberapa ketika bagi melihat kehidupan sehari-hari di sana sambil menyaksikan pembuatan produk-produk yang mereka hasilkan.

Mengikut catatan keramaian pelancong yang datang ke kampung tersebut dan seterusnya menjadi anak angkat pada tahun lepas ialah seramai 351 orang namun untuk tahun ini mereka tidak menyasarkan kedatangan pelancong yang terlalu ramai memandangkan keadaan ekonomi dunia masa kini. Akan tetapi pada tiga bulan pertama mereka telah menerima kedatangan pelancong lebih 60 orang dari beberapa negara berbeza sambil menantikan kedatangan perwakilan pelajar dari 10 buah negara dari ASEAN dan Korea di bawah Program ‘ASEAN Homestay’ pada bulan Jun nanti.

Biasanya bayaran untuk menjadi seorang anak angkat tertakluk kepada agensi pelancongan namun caj yang kami kenakan cuma sekitar BND60 - BND65 seorang. Selain terkenal dengan *homestay*nya Kampung Sungai Bunga atau Tanjung Kindana, ia juga terkenal dengan perusahaan makanan laut, iaitu Produk Seri Tanjung seperti keropok udang, ikan dan ikan kering. Menyentuh dengan Produk Seri Tanjung, ia merupakan perusahaan yang dikendalikan sepenuhnya oleh Biro Wanita MPK Sungai Bunga yang dibantu oleh beberapa buah agensi kerajaan yang lain.

Proses pembuatan keropok ini dilakukan setiap hari yang dilakukan oleh beberapa orang pekerja yang terdiri daripada wanita-wanita kampung dengan diawasi oleh ketua biro wanita mereka. Bahan mentah bagi membuat keropok-keropok tersebut adalah asasnya udang yang diperolehi oleh nelayan-nelayan di kampung berkenaan, iaitu dengan membeli hasil tangkapan mereka yang dengannya secara langsung dapat membantu nelayan-nelayan tersebut untuk memasarkan tangkapan mereka tanpa mencari orang tengah di pasar. Jelas Awang Zaini, berapa pun banyak udang yang mereka perolehi akan mereka angkat terus (beli) dengan harga yang sama malah kadang-kadang harga yang mereka berikan lebih mahal dari harga orang

tengah. Kita berbuat seperti ini agar hubungan di antara nelayan itu akan lebih akrab.

Tambahnya, produk yang mereka hasilkan ini adalah selaras dengan hasrat Jabatan Daerah Brunei dan Muara agar produk-produk MPK aktif dilaksanakan yang bukan hanya pengeluarannya secara bermusim atau berkala. Ke arah itu, MPK Sungai Bunga mengambil langkah positif dengan membuka kedai di tingkat 1 Airport Mall yang berkonsepkan cube, iaitu menjual serta mempromosikan produk-produk mereka di samping menyewakan kepada MPK-MPK lain yang mempunyai produk untuk dijual. InsyaaAllah pada bulan April ini penghantaran barang-barang (produk) akan bermula dan secara langsung produk-produk MPK-MPKlah yang akan mempelopori di dalam kedai itu nanti.

Menyentuh mengenai cabaran, Awang Zaini berkata, mereka setakat ini belum menerima saingen yang berat memandangkan produk mereka mempunyai formulanya sendiri, iaitu dari segi rasa dan kualiti selain sering menerima bantuan dari berbagai-bagai agensi seperti Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Perikanan yang memberikan latihan-latihan yang diperlukan, termasuk bantuan *packaging*. Namun menjadi kendala bagi mereka untuk berkembang lebih luas untuk memasarkan hingga ke luar negara ialah apabila belum mempunyai sijil halal dan logo halal.

“Kami sudah membuat permohonan untuk mengupgrade bagi mendapatkan sebuah tempat untuk dijadikan kilang pemprosesan di mana kilang tersebut merupakan syarat utama untuk kami mendapatkan sijil logo halal dan sijil halal.”

Menurut Awang Zaini lagi, mereka mempunyai harapan yang tinggi supaya produk mereka itu bukan hanya dipasarkan di dalam negara, tetapi juga ke luar negara. Menceritakan pengalamannya menyertai promosi di Kuala Lumpur, Malaysia semasa Ekspo ASEAN Summit dua tahun lepas sambutan ke atas produk mereka sangat baik sekalipun ketika itu bukan *consumer affair* namun sedikit menjadi hambatan kerana belum ada logo halal tersebut.



Semasa ekspo itu, keropok udang menjadi tumpuan utama kerana rasanya yang tidak sama seperti keropok udang biasa lainnya. pada masa itu juga mereka membawa dua produk, iaitu keropok udang dan homestay (pelancongan). Sebahagian pengunjung bertanya apa yang boleh mereka dapat jika menjadi anak angkat di sana (Brunei) lalu Awang Zaini tunjukkan keropok udang, iaitu kami akan tunjukkan bagaimana untuk membuat keropok udang tersebut dan secara spontan ada yang berminat. Beberapa minggu kemudian seramai 42 orang pelancong dari Malaysia telah datang ke negara ini dan menjadi anak angkat mereka selama empat malam dan mereka telah menepati janji-janji tersebut. Malah yang terbaru, menurut Awang Zaini, iaitu pada bulan Februari ada permintaan dari sebuah keluarga dari Singapura menempah keropok dari Ikan Selungsung dan hasilnya mendapat sambutan yang baik.

Pada akhirnya, beliau menyeru masyarakat di negara ini untuk tidak memandang rendah pada kualiti produk-produk tempatan dan menyarankan agar sentiasa menyokong serta membeli produk-produk keluaran dalam negara.